

04/04/1997

Lawatan PM mantap proses demokrasi

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Kelantan menyifatkan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini esok sebagai langkah memantapkan proses demokrasi, terutama dalam meningkatkan hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata rakyat termasuk penyokong Pas diminta hadir beramai-ramai menyambut serta meraikan kedatangan Perdana Menteri dan menjadikannya sebagai isu politik.

Menurutnya, Pas mengakui kewibawaan dan ketokohan kepimpinan Dr Mahathir sudah banyak membawa kejayaan besar dalam pelbagai bidang pembangunan di negara ini.

"Kedatangan Perdana Menteri esok menambah rekod baik beliau dalam menangani demokrasi. Selama ini hubungan antara Kelantan (sebagai pembangkang) dan Pusat sering timbul masalah serta dipandang negatif oleh penyokong Pas.

"InsyaAllah, kedatangan beliau esok banyak menolong meredakan keadaan dan proses demokrasi semakin menuju kebaikan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Perdana Menteri dijadual melakukan lawatan sehari suntuk ke Kelantan esok bagi menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Kewangan Usaha Bersatu (KUB) dan kerajaan negeri bagi pembinaan projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok.

Selain itu, Dr Mahathir juga akan berucap kepada pegawai Kerajaan Persekutuan, negeri, ahli korporat serta mengadakan dialog. Beliau juga dijadual menghadap Sultan Kelantan.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, beliau sendiri akan berada di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau amat tidak bersetuju jika lawatan Dr Mahathir itu dijadikan isu politik.

"Saya akan menyambut kedatangannya sebagai seorang Perdana Menteri dan Negarawan," katanya.

Ditanya mengenai prospek kerjasama kerajaan Pas dan Pusat, termasuk dalam bidang politik, Nik Abdul Aziz berkata: "Boleh jadi masa depan ada lain sedikit. Saya tidak boleh sebut sekarang."

Bagaimanapun, beliau menegaskan dalam amalan sebuah negara demokrasi, kewujudan pembangkang masih diperlukan dan relevan bagi menghidupkan proses demokrasi itu sendiri.

(END)